

Media Title : Berita Harian
Headline : CIMB tingkat sasaran kewangan mampan kepada RM60 bilion
Date : 21 September 2022
Section : Bisnes
Page : 27



CIMB tingkat sasaran kewangan mampan kepada RM60 bilion

CIMB Group Holdings Bhd meningkatkan komitmen kewangan mampan kepada RM60 bilion menjelang 2024 selepas mencapai sasaran RM30 bilion dua tahun lebih awal daripada jadual pada separuh pertama tahun ini.

Tahun lalu, CIMB Group mengumumkan bahawa ia akan menggunakan RM30 bilion dalam kewangan mampan dari 2021 hingga 2024, bertujuan untuk mewujudkan impak positif sejajar dengan Rangka Kerja Produk dan Perkhidmatan Impak Hijau, Sosial, Lestari.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata bagi mencapai sasaran itu, bank melancarkan akaun pelaburan jangka mampan-i (TIA-i) pertama di ASEAN untuk komuniti perniagaan.

TIA-i mampan patuh Syariah itu adalah pelaburan yang didorong tujuan berisiko rendah yang menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG).

Peletakan TIA-i akan dilaburkan dalam aset pembiayaan, selaras dengan matlamat pelaburan yang sejajar dengan matlamat pembangunan mampan 8 (SDG8) yang menggalakkan 'kerja yang baik dan pertumbuhan ekonomi' untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana, tulang belakang ekonomi Malaysia.

Abdul Rahman berkata, CIMB Group sudah mula mengambil langkah untuk menyusun semula portfolio pembiayaan dan pelaburannya, serta menyelaraskan pelanggan ke arah Sifar Bersih 2050, pelan negara untuk men-



Abdul Rahman Ahmad

jadi neutral karbon menjelang tahun itu.

"Sebagai institusi kewangan kelima terbesar di rantau ini, impak dan keupayaan utama kami untuk mempengaruhi peralihan pelanggan kami di rantau ini ke arah operasi rendah karbon adalah melalui rangkaian komprehensif produk dan perkhidmatan kewangan kami yang mampan dan inovatif," katanya dalam ucapan *The Cooler Earth Sustainability Summit 2022* dianjurkan CIMB Group di Kuala Lumpur, semalam.

Baru-baru ini, bank itu membangunkan garis asas pelepasan yang dibiayai wujud daripada pembiayaan dalam lembaran imbang untuk segmen borong, komersial dan penggunaanya di Malaysia dan Indonesia dalam sembilan sektor berteraskan karbon.

Sehingga 2020, pelepasan yang dibiayainya berjumlah kira-kira 9,200 kiloton setara karbon dioksida, meliputi 40 peratus daripada portfolio pinjaman kasar CIMB Group.

"Bagi tahun depan, kami berhasrat untuk menambah dan mengembangkan skop garis asas untuk meliputi pasaran operasi utama lain, sektor dan kelas aset.

"Dengan adanya garis asas awal, kami telah maju ke peringkat penetapan sasaran yang seterusnya. Sebagai permulaan, kami menyelesaikan pusingan pertama sasaran iklim interim kami untuk dua sektor berteraskan karbon yang tinggi, sejajar dengan senario iklim yang diiktiraf di peringkat global," katanya.